



**UCAPAN TETAMU KEHORMAT  
YANG BERHORMAT  
PEHIN ORANG KAYA SERI KERNA DATO SERI SETIA  
[DR] HAJI AWANG ABU BAKAR BIN HAJI APONG  
MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**SEMPENA**

**MAJLIS UPACARA PERBARISAN KEHORMATAN  
HARI PENUBUHAN JABATAN PENJARA KE-65 TAHUN, 2019**

**BERTEMPAT DI  
PADANG KAWAD, PUSAT LATIHAN  
JABATAN PENJARA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ ،  
وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ أَجْمَعِينَ ، وَمَنِ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera,

Yang Mulia,  
Awang Haji Md A'isamuddin Bin Abdullah Juna, Pemangku  
Pengarah Penjara,  
Selaku Pengerusi Majlis pagi ini;

Yang Behormat,  
Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara;

Yang Mulia,  
Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap,  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;

Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan dan Kakitangan dan  
Para Jemputan serta hadirin yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya jua, kita dapat sama-sama berhimpun pada pagi ini dalam "Upacara Perbarisan Kehormatan Sempena Hari Ulangtahun Penubuhan Jabatan Penjara Yang Ke 65 Tahun".
2. Saya sukacita merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Pemangku Pengarah Penjara dan semua warga Jabatan Penjara sempena sambutan ulang tahun penubuhan Jabatan Penjara yang ke 65 tahun. Jabatan Penjara sebagai Agensi yang memelihara kesejahteraan banduan atau penghuninya secara terkawal dan berperikemanusiaan, juga berperanan menyediakan program-program pemulihan yang baik dan bermanfaat agar penghuni-penghuni penjara dapat kembali memulakan penghidupan baharu dalam masyarakat sebagai warganegara yang berguna dan bertanggungjawab. Jabatan Penjara berperanan untuk membentuk insan yang produktif melalui program pemulihan dan kaedah yang efektif, persekitaran yang kondusif dan pengintegrasian yang strategik.
3. Sehubungan ini, adalah mustahak bagi para pemimpin dan seluruh warga Jabatan Penjara terus mengamalkan kerja berpasukan di dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan dan berganding bahu dengan Agensi-Agenzi Penguatkuasa yang lain dalam

menegakkan sistem keadilan jenayah dan pemulihan banduan di Negara ini.

4. Negara Brunei Darussalam semakin membangun dengan pesatnya. Kita menghadapi perubahan dan cabaran dari kemajuan dalam berbagai aspek termasuk teknologi komunikasi. Yang demikian jenis jenayah sekarang sudah berkembang dan berubah. Lanskap keselamatan sentiasa bergolak dengan bertambahnya isu-isu sosial mengikut corak yang berlainan. Kita perlu menghadapi cabaran ini dengan bijaksana mengujudkan sebuah institusi yang lebih berwibawa dan bertanggungjawab. Kita memerlukan warga Jabatan Penjara untuk mengamalkan perubahan minda (*change of mindset*) dan mencari pendekatan baru (*new approaches*) untuk terus mempertingkatkan usaha dalam perlaksanaan peranan dan fungsi termasuk menjalankan program pemulihan dari segi fizikal, psikologikal, sosial, pendidikan dan spiritual.
5. Jabatan Penjara sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah berusaha melaksanakan beberapa inisiatif penambahbaikan dan pembaharuan yang sejajar dengan tuntutan pelan dan nilai-nilai utama dalam Perancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk meningkatkan kesejahteraan dan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat yang seimbang.

6. Menurut sasaran *Key Performance Indicator* Jabatan Penjara bagi tahun 2020, Jabatan ini berhasrat untuk mencapai kadar kemasukan semula bekas penghuni penjara sebanyak 15 peratus pada tahun 2020. Dari statistik residivis yang direkodkan sejak 2015, jumlah banduan yang telah bebas pada tahun 2015 telah menunjukkan penurunan positif dari segi kemasukan semula ke penjara iaitu 15.73% dimana hampir mencapai sasaran KPI Jabatan. Manakala statistik residivis bagi jumlah banduan yang dibebaskan pada 2016 telah menunjukkan kadar kemasukan semula sebanyak 9.69% bagi perkumpulan tersebut. Dibanding dengan kadar kemasukan semula di institusi-institusi penjara diluar negara, kadar yang dilaporkan ini adalah diantara yang terendah. Alhamdullilah, ini adalah satu bukti yang menunjukkan bahawa program pemulihan yang dilaksanakan di Jabatan Penjara telah memberikan impak yang positif kepada bekas penghuni-penghuni.
7. Bagaimanapun, kita juga menyedari bahawa kejayaan program pemulihan yang dijalani oleh penghuni-penghuni penjara dan bekas penghuni tidaklah akan dapat dicapai sepenuhnya dan bertahan lama jika tidak ada sokongan dan kerjasama dari pihak masyarakat umum. Dengan adanya penglibatan, sokongan, komitmen dan kerjasama yang padu dari segenap lapisan masyarakat, Insya Allah, program-program perkhidmatan seliaan (*Aftercare*) yang diberikan kepada bekas

penghuni penjara akan memperolehi kejayaan yang berpanjangan.

8. Ke arah itu, Jabatan Penjara perlu sentiasa berusaha menjayakan program-program pemulihan dan seliaan, terutamanya proses reintegrasi bekas penghuni penjara melalui sokongan daripada pihak-pihak yang berkepentingan (stake holders) seperti agensi kerajaan, sektor swasta, badan-badan sukarelawan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO's), Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Kampung dan yang lain-lain dalam sama-sama berganding bahu mengerakkan program-program pemulihan dan seliaan supaya bekas banduan dapat kembali ke pangkuhan masyarakat.
9. Alhamdulillah, kita juga melihat akan peningkatan *Whole of Nation Approach* di dalam sama-sama membantu pemulihan penghuni-penghuni Penjara dengan penglibatan pihak-pihak NGO's dan swasta dalam program-program pemulihan dan juga reintegrasi dengan menyediakan peluang-peluang kemahiran lanjutan atau pekerjaan yang bersesuaian.
10. Pada tahun lepas, beberapa syarikat swasta seperti RH Amanina, Riza Group dan Seantaro Services telah berkolaborasi dalam Program Rakan Seliaan dengan menyediakan penempatan kerja dalam bidang sektor perusahaan yang

bersesuaian yang akan dapat membantu mereka mendapat pekerjaan dan sumber pendapatan serta mampu berdikari dan turut menyumbang kepada ekonomi Negara.

11. Sehubungan dengan itu, saya sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua agensi-agensi rakan seliaan yang telah menggabungkan diri sebagai Jawatankuasa Aftercare Brunei Darussalam dalam melaksanakan program-program pemulihan. Dengan penubuhan Jawatankuasa ini, saya berharap program pemulihan akan lebih tersusun dan terarah serta memberi impak.

Para hadirin sekalian,

12. Usaha dan komitmen Jabatan Penjara dalam sama-sama menangani isu-isu sosial di Negara ini sangat dihargai dan kepercayaan masyarakat terhadap peranan Jabatan Penjara juga perlu dikekalkan sebagai sebuah institusi pemulihan yang cemerlang sepermula yang dihasratkan dalam visi Jabatan.

13. Disamping kejayaan Jabatan Penjara dalam beberapa rancangan yang dilaksanakannya, saya merasa dukacita dengan penglibatan kakitangan penjara dalam kes-kes kesalahan kebelakangan ini. Menurut maklumat yang terkumpul bermula dari tahun 2014 sehingga 2018, seramai

sebelas (11) pegawai dan kakitangan dari Jabatan ini telah dikenakan tindakan tatatertib, yang antaranya disebabkan kes penyalahgunaan dadah, kes jenayah syariah dan juga kes rasuah. Perbuatan dan perilaku segelintir kakitangan tersebut sangat mengecewakan. Saya percaya majoriti pegawai dan kakitangan Jabatan ini juga merasa dukacita dengan sikap dan penglibatan rakan sejawat mereka dalam kegiatan yang boleh menjelaskan nama and imej baik Jabatan Penjara.

14. Tindakan tatatertib telah diambil kepada mereka yang terlibat termasuk menamatkan perkhidmatan mereka. Ianya bukan sahaja akan menghilangkan sumber pendapatan untuk menyara diri dan keluarga malah menjelaskan masa depan mereka, menjelaskan kredibiliti individu berkenaan sebagai ahli masyarakat dan juga kredibiliti Jabatan Penjara.
15. Saya ingin mengingatkan kepada semua anggota Jabatan Penjara untuk memelihara kesejahteraan anggota Jabatan Penjara dengan sebaiknya dan terus memberikan khidmat yang cemerlang yang berterusan sehingga ke tarikh persaraan.
16. Kearah mencapai perkidmatan kepenjaraan yang cemerlang, kita memerlukan anggota yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran tertentu serta mengamalkan rukun akhlak dan etika kerja yang positif seperti integriti, amanah, cekap, sabar, berilmu dan mentaati ajaran ugama

Islam. Nilai-nilai atau ciri-ciri positif seseorang anggota itu akan menentukan sumbangannya terhadap jabatan. Seorang anggota yang mempunyai kepakaran dan kemahiran sahaja tanpa nilai-nilai yang positif pada dirinya tidak akan memberi manfaat kepada jabatan. Seorang anggota yang berintegriti akan dapat mengikis sikap mementingkan diri sendiri dan sentiasa patuh kepada setiap arahan yang ditetapkan. Justeru itu, integriti bukan sahaja diukur dari tidak melibatkan diri dengan gejala rasuah, jenayah dan penyalahgunaan kuasa, tetapi merangkumi kesanggupan anggota untuk memikul tanggungjawab tanpa mengira masa, tenaga dan tempat.

17. Dalam menangani masalah pegawai dan kakitangan yang menghadapi sebarang tekanan kerja dan kehidupan yang boleh sahaja membawa kepada sikap dan perilaku negatif, saya dimaklumkan bahawa Bahagian Kaunseling Penjara telah meluaskan skop perkhidmatannya meliputi warga jabatan yang memerlukan perkhidmatan kaunseling secara dirujuk atau sukarela. Dengan memperluaskan skop perkhidmatan kaunseling kepada warga jabatan ini, ia diharap akan dapat membantu mereka mendapatkan khidmat professional yang terbaik dalam menangani isu-isu semasa yang dihadapi. Dengan usaha ini, jelas menunjukkan bahawa Jabatan Penjara mengambil langkah ke hadapan untuk menjana perubahan yang lebih positif demi kesejahteraan pegawai dan kakitangan

supaya mereka tidak mudah dipengaruhi dengan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat atau melanggar undang-undang negara.

18. Selain dari itu, bagi memastikan terdapat kesinambungan kepimpinan dan keanggotaan yang berkualiti, rancangan penggantian organisasi adalah amat penting. Rancangan penggantian yang berkesan adalah bergantung kepada kualiti pengambilan keanggotaan, latihan, rancangan kemajuan tenaga manusia, skim perkhidmatan yang mapan dan kemajuan kerjaya berasaskan merit dan pengurusan tenaga keanggotaan yang telus.
19. Saya sekali lagi ingin menasihatkan dan menekankan bahawa organisasi yang dianggotai oleh individu yang cemerlang akan menjadi organisasi yang cemerlang, seterusnya terbilang dan dihormati. Semua anggota Jabatan Penjara hendaklah mengamalkan sikap berdisiplin dan berintegriti dengan sama-sama mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan am perkhidmatan awam serta mematuhi ajaran-ajaran ugama Islam. Oleh itu, amalan-amalan yang tidak produktif dan apa juu perkara yang boleh menjelaskan imej perkhidmatan jabatan keseluruhannya hendaklah dikikis.

Para hadirin sekalian,

20. Pada majlis ini juga nanti, kita akan menyaksikan penganugerahan "Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Penjara Sesi 2018" kepada beberapa orang anggota penjara terpilih yang telah dapat memamerkan prestasi kerja yang cemerlang secara berterusan. Alhamdulillah, pencalonan dan pilihan pegawai-pegawai cemerlang bagi sesi 2018 ini menunjukkan bahawa disebalik segelintir pegawai yang terlibat dengan kegiatan yang salah, terdapat ramai lagi pegawai dan kakitangan masih berusaha dengan tekun dan gigih dalam memartabatkan Jabatan ini ke satu tahap yang lebih tinggi.
21. Saya juga berharap dan menggalakkan supaya semua warga Jabatan Penjara akan terus berusaha meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan masing-masing dalam membantu memperkembangkan pengurusan untuk lebih dinamik dan berkesan disamping menjaga disiplin untuk menjaga baik nama Jabatan. Dalam pada itu, setiap anggota haruslah bersyukur dan berterima kasih di atas segala sokongan dan keprihatinan pihak kerajaan dengan memastikan setiap amanah yang diberikan dapat kita laksanakan dengan baik dan penuh integriti.

22. Akhirnya saya ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Pengelola kerana mengungkayahkan majlis ini. Ucapkan tahniah dan syabas kepada pegawai-pegawai dan anggota penjara yang bakal menerima penganugerahan sebagai "Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Penjara 2019".
23. Selamat Menyambut Hari Penubuhan Jabatan Penjara ke-65 tahun dan semoga segala usaha, pengorbanan dan niat suci abis Awang-Awang/Dayang-Dayang itu akan sentiasa mendapat keberkatan dan ganjarannya daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua, Amin.

Amin Ya Rabbal 'Alamiin

Sekian

وبالهـل التوفيق والهـدـيـة والـسـالـم عـمـيـك وـرـحـمة اـهـل وـبـرـكـاتـه